

هوڠ ليونڠ م.س.ا.ج. تكافل



**HongLeong MSIG Takaful**

## HLM Takaful **i-Jauhar** Ganjaran Untuk Hari Esok



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-7650 1800  
Layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my)

BestBrands in Takaful Solutions  
The Brandlaureate World Halal  
Best Brands Awards 2018

# Keputusan Hari Ini Membawa Ganjaran Hari Esok

Hidup adalah bermakna dan perlu diraikan. Oleh sebab itulah kami berada di sini – untuk membantu meraikan detik-detik berharga anda dengan aliran pendapatan berterusan dan menyediakan jaminan kewangan untuk anda dan yang tersayang.

Memperkenalkan HLM Takaful i-Jauhar, pelan Takaful endowmen simpanan dan perlindungan biasa yang memberikan anda fleksibiliti untuk menyumbang bagi tempoh masa yang terhad serendah 5 tahun tetapi menikmati manfaatnya selama 30 tahun.

Sepanjang perjalanan ini, anda akan diberi ganjaran berupa manfaat Pembayaran Bantuan Hidup (LAP) yang memberikan anda bayaran tunai tahunan sehingga 300% daripada Jumlah Dilindungi LAP. Selain itu, anda boleh menerima bayaran tunai sekaligus apabila sijil matang untuk matlamat hidup anda.

Bagi perlindungan anda, HLM Takaful i-Jauhar memastikan keseimbangan kewangan dapat dikembalikan ketika kecemasan. Anda atau yang tersayang akan menerima bayaran sekaligus apabila berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD). Kami juga melindungi masa depan orang yang anda sayangi dengan pembayaran tambahan 100% daripada Jumlah Dilindungi Asas<sup>1</sup> untuk kematian akibat kemalangan.

Jangan tunggu lagi kerana ganjaran hari esok bermula dengan keputusan hari ini.

## MENGAPA HLM Takaful i-Jauhar?



### Pembayaran Bantuan Hidup sehingga 300%

Kami menyediakan pelan yang tepat untuk menggandakan simpanan anda. Pada setiap hujung tahun sijil, Pembayaran Bantuan Hidup (LAP) seperti yang ditunjukkan di bawah akan dibayar, dengan syarat sijil berkuat kuasa dan tiada sumbangan tertunggak:

Akhir Tahun Sijil	% daripada Jumlah Dilindungi LAP (setiap tahun)
1 – 5	20%
6 – 10	50%
11 – 20	100%
21 – 30	300%
<b>Jumlah</b>	<b>4,350%</b>

Anda boleh memilih:

**Pilihan 1:** Menerima LAP apabila tiba masanya;

**ATAU**

**Pilihan 2:** Melaburkan semula 100% daripada LAP ke dalam Akaun Peserta (PA) anda untuk potensi pulangan yang lebih tinggi. Anda boleh membuat pengeluaran separa<sup>2</sup> daripada PA pada bila-bila masa selepas 2 tahun tanpa sebarang caj.



## Tempoh Pembayaran Fleksibel

Anda tidak perlu melalui hidup dengan kebimbangan tentang komitmen kewangan. Dengan HLM Takaful i-jauhar, anda mempunyai pilihan untuk membayar sumbangan hanya selama 5 tahun, dan dilindungi ketika menerima Pembayaran Bantuan Hidup selama 30 tahun. Bergantung kepada keperluan anda, anda juga boleh memilih untuk membayar selama 10 atau 20 tahun.



## Perlindungan Terhadap Peristiwa Tidak Diingini

Sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) sebelum mencapai umur 70 pada hari jadi berikutnya, sama ada 100% daripada Jumlah Dilindungi Asas<sup>1</sup> atau Nilai Akaun (baki selebihnya dalam PA), yang mana lebih tinggi, akan dibayar. Selain itu, sekiranya kematian disebabkan oleh kemalangan sebelum berumur 66 tahun pada hari jadi berikutnya, tambahan 100% daripada Jumlah Dilindungi Asas<sup>1</sup> akan dibayar.



## Manfaat Kematangan

Jika tiada tuntutan Kematian atau TPD dibuat sebelum sijil matang, Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar.



## Perkhidmatan Nilai Tambahan

Kami boleh menguruskan untuk menunaikan tanggungjawab keagamaan atau menyumbang kepada badan kebajikan bagi pihak anda apabila berlaku kematian atau TPD, di mana sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:


Perkhidmatan	Jumlah <sup>3</sup> (RM)	Penerangan
Badal Haji (untuk Muslim)	3,500	Bermaksud melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak mereka yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau mati.
Wakaf	500	Bermaksud pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan kebajikan.
Korban (untuk Muslim)	750	Bererti menjalankan "Ibadah Korban" termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta bagi pihak anda.

<sup>1</sup> Jumlah Dilindungi Asas adalah bersamaan Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar pada tarikh Kematian/TPD Orang Dilindungi.

<sup>2</sup> Tertakluk kepada pengeluaran minimum RM500 dan Nilai Akaun minimum RM1,000 selepas pengeluaran.

<sup>3</sup> Tertakluk kepada harga pasaran tahunan semasa perkhidmatan dijalankan.

# BAGAIMANA HLM Takaful i-Jauhar BERFUNGSI?



	<p><b>Perlindungan Kematian/TPD</b> Jumlah Dilindungi Asas<sup>1</sup> atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi</p>		<p><b>Pembayaran Bantuan Hidup Tahunan</b> Peningkatan sehingga 300% Jumlah Dilindungi LAP</p>
	<p><b>Perlindungan Kematian Akibat Kemalangan</b> Tambahan Jumlah Dilindungi Asas<sup>1</sup></p>		<p><b>Manfaat Kematangan</b> Nilai Akaun (jika ada)</p>

Gambar rajah di bawah merupakan ilustrasi am Pembayaran Bantuan Hidup:



\*daripada Jumlah Dilindungi LAP (setiap tahun)

## INFO LANJUT MENGENAI HLM Takaful i-Jauhar

<b>Umur Kemasukan</b>	30 hari – 65 tahun hari jadi berikutnya
<b>Tempoh Pembayaran Sumbangan</b>	Pilihan 5, 10 atau 20 tahun
<b>Tempoh Perlindungan</b>	30 tahun
<b>Jumlah Dilindungi LAP</b>	Minimum RM600

## JENIS DANA TAKAFUL

### 1. Akaun Peserta (PA)

Sumbangan yang dibayar setelah ditolak Yuran Wakalah akan dimasukkan ke dalam PA. Kami akan mengurus dan melabur PA selaras dengan terma dan syarat sijil. Nilai Akaun adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Keuntungan pelaburan tahunan (jika ada) akan dikongsi oleh peserta yang layak dan pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Mudharabah) pada kadar 90:10. Bahagian peserta akan dikreditkan kembali ke dalam PA. Sebarang kerugian pelaburan daripada PA akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.

### 2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PA ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam Bi Al Tabarru' untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah produk ini. Jumlah Dilindungi Asas<sup>1</sup> dan Pembayaran Bantuan Hidup akan dibayar daripada PRF dan adalah dijamin. Sebarang lebih daripada PRF akan diagihkan pada kadar 50:50 di antara pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah) dan peserta yang layak. Kelayakan anda akan dikreditkan ke dalam PA.

## YURAN & CAJ

### 1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung. Peratusan Wakalah berbeza dengan tempoh pembayaran sumbangan dan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

% Sumbangan	Tahun Sijil						
	1	2	3	4	5	6	7 sehingga akhir CPT**
5	38%	38%	32%	26%	17%	0%	0%
10	47%	47%	42%	30%	19%	19%	14%
20	65%	65%	60%	40%	24%	24%	14%

\*\*kecuali untuk CPT 5.

## 2. Tabarru'<sup>4</sup>

Amaun Tabarru' bergantung kepada perlindungan, umur tercapai (pada harijadi berikutnya) (kecuali Tabarru' Pembayaran Bantuan Hidup yang bergantung kepada umur kemasukan), jantina, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan Orang Dilindungi. Kadar Tabarru' tidak kekal pada tahap yang sama dan tidak dijamin.

## 3. Caj Serahan

Jika anda menyerahkan sijil anda dalam tempoh 2 tahun pertama, caj serahan (sebagai peratusan daripada Nilai Akaun) seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah akan dikenakan:

Tahun Sijil	Tempoh Pembayaran Sumbangan (CPT) (tahun)		
	5	10	20
1	30%	45%	90%
2	10%	15%	30%

Sekiranya anda menyerahkan sijil anda pada tahun ke-3 dan seterusnya, amaun sebanyak RM50 akan dicaj.

## 4. Yuran Pengeluaran Separa<sup>4</sup>

Tiada yuran akan dikenakan apabila anda membuat pengeluaran separa daripada Akaun Peserta anda.

<sup>4</sup>Kami berhak untuk mengubah yuran dan caj dengan memberikan notis bertulis kepada Peserta 90 hari sebelum ulang tahun sijil yang seterusnya.

## SOALAN LAZIM

### 1. Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang untuk tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

### 2. Berapakah yang perlu saya bayar dan apakah mod dan cara pembayaran sumbangan?

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar bergantung kepada jumlah LAP anda, umur kemasukan, jantina dan tempoh pembayaran sumbangan. Jumlah sumbangan adalah sama sepanjang tempoh pembayaran sumbangan. Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk butiran lanjut. Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui tunai, kad kredit/debit, debit auto, debit terus, arahan tetap atau Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

### 3. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-Jauhar?

- Tiada Manfaat Kematian kecuali Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung dari bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana lebih kemudian.
- Manfaat TPD tidak akan dibayar berhubung sebarang keadaan/kecederaan/peristiwa yang mana secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecederaan yang dilakukan sendiri semasa siuman atau tidak siuman, di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah, aktiviti penerbangan persendirian, perkhidmatan ketenteraan, peperangan, perbuatan keganasan atau jenayah, sukan berbahaya dan aktiviti dan seumpamanya.
- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan tidak akan dibayar untuk kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan diri sendiri semasa siuman atau tidak siuman, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau kegiatan pengganas, peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi atau sebarang operasi perang.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.*

### 4. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai Akaun (jika ada) ditolak caj serahan akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

### 5. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful i-Jauhar layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang telah dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000 tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## NOTA PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama produk ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah produk ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil telah dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang telah ditanggung.
5. Prestasi pelaburan Akaun Peserta adalah tidak dijamin. Adalah mungkin bahawa Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj berkaitan lain disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah. Dalam kes berikut, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan sekiranya anda ingin mengekalkan sijil.
6. Sekiranya sumbangan tidak berbayar, sijil anda akan kekal berkuat kuasa selagi Nilai Akaun anda mencukupi untuk menampung Tabarru' dan caj berkaitan lain. Sekiranya PA tidak mencukupi untuk menampung semua caj dan tiada pembayaran dibuat oleh anda selepas tempoh ihsan selama 30 hari, sijil anda akan luput.
7. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Adalah tidak dianjurkan untuk memegang pelan ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.
8. Jika anda membatalkan sijil anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun sedikit daripada yang telah disumbangkan.
9. Sijil ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF apabila penamatan awal, penyerahan atau kematangan sijil.
10. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Keluarga" di mana-mana cawangan kami, atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).
11. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).



**Ibu Pejabat**

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,  
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.  
Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.hlmtakaful.com.my](http://www.hlmtakaful.com.my) atau [fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful](https://fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful)